

**NO. SOALAN: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 6 APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7613**

**SOALAN:**

**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) apakah hasil siasatan ke atas individu bernama Kamal Bin Said @ Manuel Amallio yang mempunyai kes menipu lebih kurang 15,000 individu di Mindanao dan juga Papar, Sabah melalui Skim "Mirza", dianggarkan lebih 800 juta yang kini dilihat bebas bergerak di Kota Kinabalu; dan
- (b) adakah pertuduhan telah dikenakan ke atas beliau dan adakah pihak Kerajaan telah menerima permintaan daripada Kerajaan Filipina untuk individu ini diekstradisi ke Manila bagi menghadapi semua pertuduhan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), individu bernama Kamal Bin Said dikatakan terlibat dengan kegiatan menipu di Filipina dan pertuduhan telah dikenakan ke atasnya oleh pihak berkuasa Filipina. Dalam hal ini, Kerajaan Filipina telah mengemukakan permintaan untuk mengekstradisi Kamal ke negara berkenaan untuk dibicarakan bagi kesalahan tersebut.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (b) pula, memandangkan Malaysia dan Filipina tidak mempunyai triti ekstradisi, permintaan tersebut tidak dapat dipenuhi.**